

08 JAN 1999

Mahathir-Pemilihan

PEMILIHAN ANGGOTA MT DITANGGUH, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Pemilihan anggota-anggota Majlis Tertinggi (MT) yang dijadualkan Jun ini ditangguhkan, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat MT selama tiga jam di ibu pejabat parti di sini.

Ketika bercakap pada persidangan berita selepas mesyuarat itu, Dr Mahathir berkata mengikut undang-undang tubuh Umno, pemilihan MT boleh ditangguhkan sehingga 18 bulan daripada tarikh mesyuarat agung parti iaitu pada Jun ini.

"Ini bermakna bahawa Majlis Tertinggi yang ada sekarang akan kekal," kata beliau.

Dr Mahathir berkata keputusan itu juga bermakna jawatan Timbalan Presiden Umno tidak akan diisi sehingga pemilihan MT diadakan dalam jangka masa 18 bulan itu.

Dr Mahathir berkata keputusan untuk menangguhkan pemilihan MT adalah supaya Umno dapat menumpukan pada persiapan menghadapi pilihan raya "yang terpaksa kita adakan tidak lewat daripada April, tahun 2000."

Pemilihan MT diadakan tiga tahun sekali. Selain untuk 25 anggota MT, pemilihan juga adalah bagi jawatan Presiden, Timbalan Presiden dan tiga Naib Presiden.

Beliau berkata anggota-anggota MT juga hari ini sebulat suara memutuskan supaya jawatan Timbalan Perdana Menteri diisi sekarang.

"Dengan itu, kita bersetuju dengan pengisian jawatan Timbalan Perdana Menteri," kata beliau.

Beliau kemudian mengumumkan pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru.

-- BERNAMA

TM AHH FAZ